

Banyak alasan ajak berkahwin

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya berusia 20-an dan mempunyai teman lelaki berusia pertengahan 20-an. Perkenalan kami menjangkau tiga tahun. Saya amat menyintainya

dan ingin menjadi suri hidupnya. Teman lelaki berasal daripada keluarga yang mempunyai latar belakang berbeza daripada keluarga saya.

Masalahnya, ibu teman lelaki tidak dapat menerima saya sebagai bakal menantu. Tapi kerana cinta, saya gigih menyemai cinta kami agar sentiasa kukuh dan mekar. Saya mahu

berkahwin dengannya secepat mungkin kerana ingin hidup bersamanya.

Hasrat saya tidak kesampaian apabila teman lelaki memberitahu dia masih belum mempunyai wang yang cukup. Saya risau hubungan ini tidak akan berakhir dengan perkahwinan seperti mana kami harapkan.

Saya mahu mengikat

tali perkahwinan segera demi kebaikan bersama. Dia banyak menggunakan alasan untuk melambatkan perkahwinan kami. Sekurang-kurangnya kalau kami berkahwin, kami boleh menjauhi maksiat dan dosa. Dr, apa yang perlu saya lakukan?

HATILARA,
Negeri Sembilan

? Cinta itu tidak mempunyai banyak alasan. Alasan hanya diberi oleh orang yang lemah bercinta. Begitu juga, insan bercinta yang datang dengan pelbagai alasan adalah insan gagal bercinta.

Memberi alasan tidak mempunyai wang yang cukup untuk mengikat tali perkahwinan menunjukkan teman lelaki adik tidak komited dalam hubungan.

Adik boleh berbincang secara baik dengan teman lelaki mengenai hala tuju percintaan kalian. Nyatakan kebimbangan yang adik rasakan sebagai wanita, anak kepada kedua ibu bapa juga sebagai kekasih.

Jika isu kewangan yang menjadi dalang kepada perkahwinan adik, ia boleh dilakukan secara sederhana kerana yang penting adalah pernikahan untuk

menghalalkan sesuatu perhubungan.

Majlis perkahwinan boleh dilakukan mengikut kemampuan kerana ia hanya bertujuan memberitahu masyarakat sekeliling bahawa adik sudah diijab kabulkan.

Jika teman lelaki masih lagi tidak bersetuju, lihat di sebalik pendiriannya itu. Sejauh manakah serius dan ikhlas teman lelaki menjalin perhubungan dengan adik?

Jika ya, nampaknya adik kena membenarkan waktu menentukan hala tuju percintaan adik. Pastikan perhubungan adik berdua tidak dicemari dengan maksiat dan dosa.

Jika adik lihat teman lelaki hanya menggunakan pelbagai alasan (seperti kebimbangan ibunya tidak menyukai adik serta tidak mempunyai wang cukup) sebagai satu cara untuk dirinya tidak mahu komited dalam perhubungan, adik perlu menilai semula perhubungan ini.

Jika ini berterusan, ketakutan adik bahawa perhubungan tidak akan berakhir dengan perkahwinan mungkin benar-benar akan terjadi.



Lupa ibu selepas beristeri

? Saya mahasiswa di sebuah institusi pengajian tinggi dan ingin membantu seorang rakan yang sedang berdepan masalah berkaitan isu kekeluargaan.

Keluarga rakan saya adalah keluarga yang boleh dikatakan tidak susah daripada segi kewangan. Namun, masalah ini berkaitan kerenggangan perhubungan anak dengan ibunya selepas anak itu mendirikan rumah tangga.

Abang kawan saya seolah-olah melupakan ibunya selepas berkahwin. Rakan saya memberitahu, sebelum berkahwin, hubungan abang dengan ibunya sangat rapat, malah hubungan antara ibu dengan bakal menantu juga adalah baik.

Tapi selepas beberapa bulan berkahwin, ibu rakan saya mula dipinggirkan. Saya dan rakan memang kasihan melihat keadaannya apatah lagi dia seorang ibu tunggal. Sebagai seorang ibu,

saya pasti perasaannya pasti terluka.

Apakah pandangan Dr mengenai ini dan bolehkah berikan pendapat untuk menyelesaikan masalah ini dengan betul.

MERPATI PUTIH,
Selangor

? Dr memahami masalah yang rakan adik hadapi. Sememangnya apabila seorang anak itu berkahwin tanggungjawab yang dipegang ibu bapa akan berubah.

Tanggungjawab anak sama ada lelaki atau perempuan juga berubah.

Sekiranya anak lelaki, tanggungjawab utamanya ialah pada ibunya manakala jika perempuan, maka dia wajib tahu yang tanggungjawab dan peranan utamanya ialah terhadap suaminya.

Seharusnya kedua-dua anak dan menantu ini perlu sedar

walaupun bagaimana sibuk dan padat jadual kehidupan mereka, perkara yang perlu diberi keutamaan ialah ibu.

Secara fitrahnya, manusia sangat sensitif terhadap isu yang membabitkan kekeluargaan. Ini adalah titik kelemahan kepada individu yang mempunyai hati penuh kelembutan. Dr berpandangan bahawa perkara ini perlu dibincangkan secara telus dengan abang rakan adik itu. Ini kerana dikhuatiri dia tidak mengetahui hal ini dan akan beranggapan bahawa ibunya reda dengan keadaan berlaku itu.

Berbincang dengan jelas akan hal ini dan pastikan bahawa perbincangan itu membawa persetujuan yang baik untuk kedua-dua pihak. Pendapat Dr ialah supaya mencari seorang individu yang boleh dijadikan orang tengah untuk merungkakan isu ini.

Berdiplomasi secara baik dan terangkan dengan berhemah

mengenai keadaan ibunya itu supaya ia tidak menyinggung perasaan semua pihak.

Walaupun begitu ketika perbincangan berlangsung, sewajarnya biarlah ibu kawan adik ini berterus-terang dengan perasaan dialaminya sekarang. Ini akan melancarkan lagi proses diskusi ini.

Semoga usaha dan pandangan ini boleh membantu adik untuk menyelesaikan masalah yang membelenggu ibu rakan adik ini. Tidak salah adik membantu kerana ia adalah perkara yang sangat digalakkan dalam hubungan persaudaraan sesama Islam.

Dr juga sangat bersetuju dengan usaha murni yang adik lakukan ini kerana ia akan membantu banyak pihak untuk merasa bahagia. Semoga usaha adik ini beroleh kejayaan dan moga Allah memudahkan setiap usaha yang adik lakukan ini.

